

# Pencapaian Bumiputera besar: PM

## Usaha pertingkat ekonomi korporat diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan



**DEWAN  
RAKYAT**

Laporan Ridzuan Yop

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, usaha meningkatkan prestasi ekonomi Bumiputera, termasuk pemilikan ekuiti sektor korporat

akan terus diberi penekanan oleh kerajaan dalam penyediaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dengan memperkenalkan dan melaksanakan beberapa langkah lebih berkesan.

Perdana Menteri berkata, di samping itu, RMK-9 juga akan memberi penekanan kepada aspek pengagihan lain yang tidak kurang pentingnya seperti pemilikan hartanah Bumiputera di kawasan bandar dan pewujudan masyarakat sains dan teknologi di kalangan Bumiputera serta pembabitan mereka dalam sektor

pertumbuhan baru.

Beliau berkata, walaupun Bumiputera tidak mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus pemilikan ekuiti pada akhir tempoh Dasar Ekonomi Baru (DEB) 1970-1990 dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) 1991-2000, kemajuan yang dicapai mereka sebenarnya besar.

"Dari segi kadar pertumbuhan, pegangan modal saham Bumiputera meningkat pada kadar purata 29.6 peratus setahun dalam tempoh DEB. iaitu lebih tinggi daripada pertum-

buhan purata bagi keseluruhan sektor korporat sebanyak 16.3 peratus.

"Begitu juga dalam tempoh DPN modal saham Bumiputera meningkat pada kadar 11.7 peratus setahun berbanding 10.5 peratus bagi bukan Bumiputera," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian dalam jawapan bertulis kepada soalan Alexander Nanta Linggi (BN-Kapit) yang mahu mengetahui faktor utama menyebabkan masyarakat Bumiputera hanya mampu mencapai ekuiti 18 peratus saja kekayaan negara pada

penghujung pelaksanaan DEB.

Abdullah berkata, pada akhir tempoh DEB, peratusan pemilikan ekuiti Bumiputera ialah 19.3 peratus.

Beliau berkata, strategi untuk mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus pemilikan ekuiti Bumiputera kemudian diteruskan dalam tempoh DPN (1991-2000) dan Dasar Wawasan Negara (DWN) 2001-2010.

"Pemilikan ekuiti Bumiputera berkurangan sedikit kepada 18.9 peratus pada 2000 dan perangkaan terkini menunjukkan hak milik ekuiti Bu-

miputera adalah 18.7 peratus pada 2002." katanya.

Abdullah berkata, pencapaian pemilikan modal saham Bumiputera yang kurang memberangsangkan sejak kebelakangan ini berpunca daripada beberapa sebab iaitu pertumbuhan modal saham Bumiputera yang kurang pesat disebabkan sumber kewangan mereka terhad, garis panduan dasar yang lebih liberal mengenai pemilikan ekuiti dan ketirisan dalam pelaksanaan beberapa program Pembangunan kerajaan.